

# Menantu bukan penasihat saya: PM

Abdullah buat keputusan selepas timbang kebaikan bagi rakyat, negara

Oleh Azrina Ahzan

**P**UTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menafikan dakwaan yang mengatakan menantunya, Khairy Jamaludin adalah penasihat yang mempengaruhi dalam urusan pentadbiran atau keputusan berkaitan dasar kerajaan.

Perdana Menteri menjelaskan, segala keputusan berkaitan urusan pentadbiran dan dasar kerajaan dibuatnya sendiri selepas mempertimbangan apa yang terbaik untuk rakyat serta negara.

"Menantu saya bukan penasihat saya dan beliau tidak lagi bekerja dengan Jabatan Perdana Menteri. Memang dulu dia bekerja dengan saya... sebagai pekerja, dia mungkin terbabit membuat analisis dan beri pandangan mengenai macam-macam perkara.

"Tapi sekarang dia dah berhenti. Dia tahu orang bising sangat... dia dah tak ada kena mengena lagi, buat

apa tuduhan itu dibuat," katanya selepas Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri ke-100 di Kompleks Perdana Putra di sini, semalam.

Perdana Menteri diminta mengulas dakwaan pihak tertentu menerusi internet kononnya Khairy ialah penasihatnya dan banyak mempengaruhi

keputusannya berhubung pelbagai perkara.

Abdullah sebaliknya berkata, beliau sentiasa bekerja dengan suara hati yang jelas dan membuat keputusan mengenai apa yang difikirkan baik untuk rakyat serta negara, tanpa dipengaruhi sesiapa.

Ditanya sama ada beliau terguris dengan cakap-cakap seumpama itu, Abdullah berkata: "Saya dengar macam-macam orang cakap. Kita pun ada perasaan, kadang-kadang kita rasa sedih juga bila macam-macam keluar.

"Tapi, saya dapat mengawal diri dan tidak akan membiarkan diri dipengaruhi sehingga wujud keadaan kelam-kabut atau susah hati yang seterusnya boleh menjejaskan kerja.

"Saya tak buat keputusan untuk ambil harta orang dan saya tak buat keputusan untuk menyusahkan orang. Saya buat keputusan apa yang saya fikir baik," katanya sambil menjelaskan itulah sebabnya beliau sentiasa kelihatan tenang.

Khairy, 30, mula berkhidmat dengan Abdullah (yang ketika itu Timbalan Perdana Menteri) pada 1999 sebagai penulis ucapan dan kemudian dilantik sebagai pegawai khas beliau.

Beliau meletak jawatan sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Sulit kepada Perdana Menteri yang juga Pengarah Bahagian Polisi dan Komunikasi, pada Jun 2004.

Ditanya mengenai jika ada pihak cuba mempengaruhinya, Perdana Menteri berkata, perkara itu memang biasa kerana semua orang bercakap dengannya dan hendak menasihati Perdana Menteri mengenai apa yang perlu dilakukan, termasuk pembangkang.

"Tiada Perdana Menteri bebas daripada cubaan pelbagai pihak untuk mempengaruhinya, termasuk mempengaruhi supaya kita terima (luluskan) kontrak dia," katanya tetapi menegaskan walau apa pun, sesuatu keputusan itu tetap dibuatnya sendiri.

*"Saya dengar macam-macam orang cakap. Kita pun ada perasaan, kadang-kadang kita rasa sedih juga bila macam-macam keluar"*

Abdullah Ahmad Badawi  
Perdana Menteri